



'UTeMutamakan' kesejahteraan pelajar sedia ada dulu'

Oleh Amir Mamat - Jun 20, 2023 @ 8:15pm
bhnews@bh.com.my



Mohd Ali menyampaikan sijil penghargaan kepada rakan strategik Ekspo Buku Malaysia 2024 di UTeM, sambil diperhatikan Massila (kiri). NSTP/AMIR MAMAT

DURIAN TUNGGAL: Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) tidak terburu-buru membuat keputusan menerima etnik Rohingya yang berminat mengikuti kursus di universiti berkenaan.

Sebaliknya, Naib Canselor UTeM, Prof Dr Massila Kamaludin, berkata pihaknya ketika ini lebih mengutamakan soal keselamatan dan kesejahteraan pelajar sedia ada, selain kekusaran ibu bapa mereka berhubung perkara itu.

Beliau berkata, setiap pelajar yang memohon perlu mempunyai kelayakan, selain mematuhi semua syarat dan undang-undang ditetapkan universiti.

"UTeM juga akan mengambil kira pandangan ibu bapa pelajar sedia ada di universiti ini sama ada sesuai atau tidak untuk menerima kemasukan pelajar daripada etnik terbabit.

"Apa yang penting, kami tetap memberikan perhatian terhadap kelayakan dan kapasiti universiti sebelum membuat sebarang keputusan.

"Kalau boleh tidak ada isu sensitif berlaku, namun saya menyerahkannya kepada timbalan canselor kami untuk melihat kepada kelayakan, kalau layak kita terima. Kita tidak mahu hukum berdasarkan etnik, sebaliknya kita akan memberikan tumpuan lebih kepada soal keselamatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis Pelancaran Ekspo Buku Malaysia 2024 di Kampus Induk UTeM di sini yang disempurnakan Yang Dipertua Negeri Melaka yang juga Canselor UTeM, Tun Mohd Ali Mohd Rustam.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, dalam satu kenyataan, hari ini berkata, kementerian itu tiada halangan untuk pelarian Rohingya diberi peluang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan kerana ia tidak mengancam kedaulatan negara.

Katanya, isu terbabit tidak timbul kerana Malaysia sebuah negara bertamadun, tidak boleh lari daripada sifat manusiawi dan ihsan.